

KUALA LUMPUR, 27 JAN. (BERNAMA) — SETOK SIMPANAN BERAS MALAYSIA AKAN DITAMBAH SEBANYAK 40,000 TAN LAGI MENJAD KAN 300,000 TAN MEMANDANGKAN KEADAAN KEMARAU SEKARANG INI DI BEBERAPA NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

KATANYA, JAWATANKUASA KABINET MENGENAI BERAS YANG BERMESYUARAT DI SINI PAGI INI JUGA BERSETUJU MALAYSIA MENGHANTAR PEGAWAI-PEGAWAINYA TIDAK LAMA LAGI KE BURMA, NEGERI THAI DAN CHINA UNTUK MEMBELI LEBIH BANYAK BERAS.

MESYUARAT ITU TELAH DIPENGERUSIKAN OLEH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEMUI MENTERI KERJASAMA EKONOMI YUGOSLAVIA YANG SEDANG MELAWAT MALAYSIA, ENCIK STOJAN ANDOV DI PEJABATNYA.

BERCAKAP KEPADA PARA WARTAWAN SELEPAS MENEMUI ENCIK ANDOV, BELIAU BERKATA, PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA DAN YUGOSLAVIA TELAH BERTAMBAH DENGAN PESATNYA TETAPI PERTAMBAHAN ITU MENGUNTUNGGAN MALAYSIA SAHAJA. — BERSAMBUNG 1810/A1

££

B604:

BERAS 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, NILAI EKSPORT MALAYSIA KE YUGOSLAVIA TAHUN LALU IALAH \$100 JUTA MANAKALA IMPORTNYA DARI NEGARA ITU CUMA BERNILAI \$2.5 JUTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA BELIAU TELAH DIUNDANG MELAWAT YUGOSLAVIA.

KEMUDIAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU, SEBUAH BANDAR BARU MUNGKIN AKAN DIBANGUNKAN DI KAKI BUKIT DEKAT SEMPADAN MALAYSIA DENGAN NEGERI THAI TIDAK LAMA LAGI DAN LEBIH BANYAK KEMUDAHAN AKAN DIADAKAN DI PERANGAN YANG TERLETAK KE UTARA CHANGLON.

INI TERMASUKLAH PUSAT-PUSAT PEMERIKSAAN KASTAM, IMIGRESEN DAN POLIS.

KATANYA, POS-POS ITU AKAN MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING LAGI BERKESAN DALAM USAHA MEMBANTU KERAJAAN MENGAWAL KEGIATAN PENG-
GANAS-PENGGANAS KOMUNIS, PENYELUDUP SERTA ORANG-ORANG YANG MASUK SECARA HARAM. — BERNAMA 1813/A1